Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling **tepat**.

1. Sejak bilakah hubungan luar di negara kita bermula? Buku Teks m/s 194
   A Selepas merdeka
   B Kedatangan British
   C Kesultanan Melayu Melaka
   D Zaman Kerajaan-kerajaan Melayu

2. Senarai berikut merupakan kerajaan awal sebelum Kesultanan Melayu Melaka. Buku Teks m/s 194

   - P'an-p'an
   - Langkasuka
   - Chih-t'u

   Apakah persamaan pada kerajaan tersebut?
   A Menghantar utusan ke Melaka
   B Menjalinkan hubungan dengan China
   C Dikuasai oleh Kesultanan Melayu Melaka
   D Mempengaruhi Kesultanan Melayu Melaka

3. Antara berikut, yang manakah bentuk dasar luar ketika pentadbiran Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj? Buku Teks m/s 195
   I Probarat
   II Antikomunis
   III Sikap berkecuali
   IV Mengutamakan ekonomi
   A I dan II C II dan III
   B I dan IV D III dan IV

4. Mengapakah dasar luar penting kepada negara kita? Buku Teks m/s 196
   A Menjamin kemakmuran
   B Membanteras komunis
   C Menyokong kuasa Barat
   D Mempengaruhi tindakan negara

5. Apakah peranan Wisma Putra? Buku Teks m/s 196
   A Membantu negara jiran
   B Menyekat pencerobohan kuasa asing
   C Mengenal pasti negara sahabat dan negara musuh
   D Menjaga kepentingan nasional Malaysia pada peringkat antarabangsa

6. Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat penggubalan dasar luar. Buku Teks m/s 196

   - Melindungi kepentingan nasional
   - Memupuk hubungan baik dengan negara luar

   Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai?
   A Jati diri
   B Nasionalisme
   C Dasar luar negara
   D Kedaulatan negara

7. Senarai berikut merupakan negara-negara yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan Malaysia. Buku Teks m/s 197

   - Arab Saudi
   - Mesir
   - Yaman
   - Turki

   Apakah faktor yang mempengaruhi hubungan diplomatik tersebut?
   A Persahabatan
   B Ikatan keagamaan
   C Sistem pemerintahan
   D Kepentingan ekonomi

8. Apakah kepentingan Malaysia menjalinkan hubungan baik dengan negara luar? Buku Teks m/s 197
   A Memajukan negara
   B Memelihara hak asasi manusia
   C Mengukuhkan pertahanan negara
   D Menjaga kebajikan rakyat Malaysia di luar negara

9. Maklumat berikut berkaitan dengan faktor penggubalan dasar luar Malaysia. Buku Teks m/s 197

   Tahun 1990-an menyaksikan Malaysia mula menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun di Afrika dan negara Kepulauan di Pasifik Selatan.

   Apakah faktor yang membawa kepada perubahan tersebut?
   A Kepimpinan
   B Ikatan sejarah
   C Keperluan semasa
   D Perkembangan ekonomi

10. Berikut adalah pendirian Malaysia dalam soal antarabangsa. Buku Teks m/s 198

    Hidup bersama secara aman

    Apakah langkah Malaysia untuk mempertahankan pendirian tersebut?
    A Bersikap probarat
    B Memberi komitmen kepada PBB
    C Membangkitkan isu ketidakadilan
    D Menandatangani Konvensyen Status Pelarian

11. Antara berikut, yang manakah Piagam PBB yang Buku Teks m/s 198
    [illegible] oleh Malaysia?

LIVEWORKSHEETS